

# Pusat Luar UMS (SPPS)

PUSAT LUAR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH atau lebih dikenali sebagai PLUMS telah memulakan operasi secara rasminya pada 1 Disember 2006. Semenjak penubuhan pusat ini, program-program pengajian secara separuh masa UMS yang dahulunya lebih dikenali sebagai Program Pengajian Luar Kampus (PPLK) kini diuruskan dan diselenggarakan oleh PLUMS. Program-program di bawah PLUMS ini semakin mendapat perhatian daripada masyarakat umum yang bekerja dan ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana Muda dan juga Sarjana.

Pusat ini juga berada di bawah pemantauan UMS Link Holdings Sdn. Bhd. dalam meneruskan kesinambungan fungsi utama PPRL yang mana bertanggungjawab untuk menjana pendapatan kepada UMS melalui penawaran program pembelajaran sepanjang hayat termasuklah program akademik secara berterusan dan berkualiti.

Selain daripada itu, PLUMS juga dengan kerjasama sekolah-sekolah yang terlibat adalah bertanggungjawab serta mengurus dalam pengambilan kemasukan pelajar, pendaftaran, peperiksaan, rekod pelajar, pengijazahan dan semua urusan yang berkaitan dengan perkhidmatan dan pembangunan program akademik universiti yang dianjurkan secara separuh masa.

Program Pendidikan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS)

Program Sarjana Pendidikan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) boleh diselesaikan dalam tempoh tiga semester. Tempoh ini adalah bersamaan dengan 18 bulan kiraan kalender bagi membolehkan pelajar menerima ijazah pengajian lanjutan 'Master of Education' (M.Ed).

Di bawah program pengajian secara kerja kursus (course work), setiap pelajar perlu menyempurnakan 40 jam kredit yang terdiri daripada kursus teras sekolah (20 jam kredit), kursus teras program (16 jam kredit) dan kursus elektif (4 jam kredit). Bagi program sepenuh masa, jangkaan minimum pengajian ialah tiga (3) semester dan maksimum enam (6) semester. Manakala program separuh masa, jangkaan masa minimum ialah empat (4) semester dan maksimum lapan (8) semester bagi menamatkan pengajian.

Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS), Prof. Madya Dr. Haji Mohd Yusof Abdullah berkata penawaran pengajian peringkat Sarjana Pendidikan baik secara sepenuh masa mahupun separuh masa mula dilaksanakan pada tahun 1999.

"Pada ketika itu SPPS memperkenalkan dua program sarjana iaitu Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan) dan Sarjana Pendidikan (Pendidikan TESL). Namun pihak SPPS kemudiannya mengembangkan pengajian dengan menawarkan empat (4) program baru iaitu Sarjana Pendidikan (Komputer dalam Pendidikan), Sarjana Pendidikan (Kurikulum dan Rekabentuk Instruktional), Sarjana Pendidikan (Pendidikan Sains) dan Sarjana Pendidikan (Pendidikan Jasmani dan Kesihatan) bermula tahun 2006," kata Dr. Yusof.

Dr. Yusof menambah, di samping program pengajian secara kerja kursus, SPPS juga menawarkan pengajian secara penyelidikan.

"Terdapat sebelas (11) bidang pengkhususan bagi program sarjana penyelidikan yang dianjurkan oleh pihak SPPS di samping (6) program sarjana pendidikan melalui kerja kursus di mana program-program tersebut dijalankan secara sepenuh masa atau separuh masa," katanya.

Program-program pengajian secara kerja kursus terus dikendalikan melalui PLUMS. Dari segi sejarah program PPLK Sarjana Muda SPPS yang diperkenalkan pada Oktober 1999 di Sandakan itu bertujuan untuk membantu Guru-Guru Sandaran Tidak Terlatih melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di Sabah.

PLUMS di bawah pemantauan dan pengurusan UMS Link Holdings Sdn. Bhd. ini diterajui oleh Prof. Dr. Roselina Ahmad Saufi sebagai Pengarah Urusan Kumpulan semenjak

tahun 2006. Selaku mantan Pengarah PPRL UMS, Prof. Dr. Roselina meneruskan usaha dan dedikasinya untuk menjayakan inisiatif membangunkan modal insan melalui penawaran program-program akademik Universiti secara separuh masa.

Sehingga pada tahun 2010, pihak SPPS telah menghasilkan seramai 366 graduan sarjana pendidikan di mana kebanyakan mereka terdiri daripada golongan guru dan pensyarah serta tenaga pengajar di sektor awam dan swasta. Sebilangan besar jumlah pelajar yang berjaya bergraduasi adalah daripada kursus sarjana pengurusan pendidikan (63.11%), diikuti sarjana pendidikan dengan TESL (16%) dan sarjana pendidikan kurikulum dan pengajaran (7%). Program sarjana daripada SPPS adalah diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kurikulum yang ditawarkan adalah setanding dengan program sarjana pendidikan universiti-universiti tempatan lain seperti UMS, UPM, UPSI, UKM dan UIM.

"Manakala kurikulum kita juga setanding

dengan program sarjana luar negara seperti University of Brighton UK, University of Bristol UK, dan University of Leeds, UK. Program sarjana ini merangkumi teori pengajaran, isu-isu semasa serta penilaian kurikulum terkini. Selain itu, penerapan aspek ICT di dalam pendidikan juga ditekankan selaras dengan usaha melahirkan guru-guru mahir dalam proses pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer di dalam bilik darjah atau dewan tutorial," kata Dr. Yusof.

Dr. Yusof yang membuat pengkhususan dalam Pendidikan Ekonomi mendapat Ijazah Sarjana Muda (Ekonomi dengan Pendidikan) dari Universiti Malaya (UM), Sarjana Pengurusan Pendidikan dari Manchester dan Doktor Falsafah (Ph.D) Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan dari UMS.

Calon-calon pelajar yang melanjutkan pengajian peringkat ijazah lanjutan Sarjana Pendidikan perlu memiliki syarat-syarat berikut:

Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan kepujian daripada Universiti Malaysia Sabah

atau institusi pengajian tinggi lain yang setaraf dan diiktiraf oleh Kerajaan;

Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang-bidang lain dan memiliki Diploma Pendidikan atau Sijil Perguruan;

Sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman pengajaran di mana-mana institusi pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan;

Telah disahkan jawatan terkini; dan Syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Senat Universiti Malaysia Sabah.

Menurut Dr. Yusof, terdapat pelbagai kelebihan melanjutkan pengajian peringkat Sarjana Pendidikan di SPPS, UMS. Antaranya ialah:

Pelajar memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan yang diiktiraf di dalam dan luar Negara.

Kepakaran tenaga pengajar yang diiktiraf. Kemudahan dan fasiliti sekolah yang baik dan mesra pelanggan.

Terdapat bantuan dari segi bantuan khidmat nasihat akademik, Alumni dan kewangan sebagai contoh Postgraduate Studies Assistance (Melalui Penyelidikan) (SBPP), UMS dan University Postgraduate Scholarship Scheme (PGD), (MOSTI).

Yuran pengajian yang berpatutan.